



جَبَاتُ هَالِ اَهْوَالِ اِغَامَا اِسلامِ نَغَرِي سَابَاڤِ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اِخْطَبَةُ الْجُمُعَةِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

09 RAMADAN 1447H/ 27 FEBRUARI 2026M

“RAMADAN MENYINGKAP HIKMAH ZAKAT FITRAH”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

dengan kerjasama:

Bahagian Zakat dan Fitrah, Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)

Arahan kepada (PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU) :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 hingga 15 minit sahaja.



Mohon imbas QR
code ini jika ada
sebarang cadangan
penambahbaikan.
Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ
لَّهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Pada bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa yakni melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Allah SWT meninggikan darjat kita di sisi-Nya sebagai hamba yang bertakwa. Khatib ingin mengingatkan para jamaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang *lagha* (sia-sia) seperti berbual, bermain telefon atau tidur. Mimbar pada hari ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“Ramadan Menyingkap Hikmah Zakat Fitrah.”**

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Islam memerintahkan umatnya agar mengeluarkan zakat fitrah dan menggalakkan mereka membudayakan amalan bersedekah. Kedua-dua amalan ini amat berkait rapat dengan ibadah puasa di bulan Ramadan. Ganjaran pahala yang berlipat ganda dijanjikan menerusi budaya bersedekah dan perintah mengeluarkan zakat fitrah di bulan tersebut memberikan isyarat bahawa kesempurnaan ibadah puasa bergantung atau memerlukan sokongan daripada kedua-dua ibadah ini.

Pensyariatan ibadah zakat fitrah seperti mana dalam firman Allah SWT yang telah dibacakan pada awal khutbah sebentar tadi melalui surah at-Taubah ayat 103 yang **bermaksud**: *“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengan zakat itu kamu membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”*

Dalam sebuah hadis Rasulullah SAW telah bersabda:

فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ طَهْرَةً لِلصَّائِمِ مِنَ اللَّغْوِ
وَالرَّفَثِ وَطُعْمَةً لِلْمَسَاكِينِ.

Maksudnya: *“Rasulullah SAW telah memfardukan zakat fitrah (pada bulan Ramadan) untuk mensucikan bagi orang yang berpuasa daripada segala perbuatan lagha (keji) dan perkataan yang buruk (yang dilakukan ketika sedang berpuasa) dan untuk dijadikan makanan bagi orang-orang yang miskin.”* (Riwayat Abu Daud)

SIDANG JAMAAH YANG BERBAHAGIA,

Menurut Imam Hassan al-Basri, hubungan zakat fitrah dengan puasa adalah bagaikan sujud sahwi dengan solat. Sebagaimana sujud sahwi harus dilaksanakan kerana kelalaian tertentu yang terjadi dalam solat, maka menunaikan zakat fitrah di bulan Ramadan, menampung kekurangan dan menyempurnakan kecacatan yang dilakukan semasa melaksanakan ibadah puasa sepanjang bulan tersebut.

Zakat fitrah wajib dikeluarkan sekali dalam setahun oleh setiap individu muslim dan saat terbaiknya adalah selepas solat subuh sebelum solat sunat Aidilfitri pada 1 Syawal. Walau bagaimanapun, Imam Syafie *Rahimahullah* mengharuskan zakat fitrah dibayar, sebaik saja bermulanya bulan Ramadan. Menunaikan zakat fitrah dengan awal mengelakkan daripada kelalaian yang akhirnya risau terlupa untuk menunaikannya. Hal ini kerana sesiapa yang menunaikannya selepas solat sunat Aidilfitri tidak lagi dikira sebagai zakat, tetapi dianggap sebagai sedekah biasa sahaja. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَدَّاهَا قَبْلَ الصَّلَاةِ فَهِيَ زَكَاةٌ مَقْبُولَةٌ وَمَنْ أَدَّاهَا بَعْدَ الصَّلَاةِ فَهِيَ صَدَقَةٌ مِنَ الصَّدَقَاتِ.

Maksudnya: *“Barang siapa menunaikan zakat fitrah sebelum sembahyang Aidilfitri maka itulah zakat yang diterima. Dan barang siapa menunaikannya sesudah sembahyang, maka ia adalah sedekah daripada sedekah-sedekah biasa.”* (Riwayat Abu Daud)

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI SEKALIAN,

Dalam konteks ini, mimbar Jumaat turut menyeru kepada saudara muslimin sekalian, agar menunaikan ibadah zakat harta di Bahagian Zakat dan Fitrah (MUIS). Manakala membayar zakat fitrah pula, bolehlah

dilunaskan melalui amil-amil bertauliah yang dilantik oleh Majlis Ugama Islam Sabah yakni pihak yang dipertanggungjawabkan oleh pemerintah untuk memungut dan mengagihkan zakat di negeri Sabah.

Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Negeri Sabah bertarikh 13 dan 14 Mei 2009 telah memutuskan bahawa mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah (amil yang ditauliahkan) adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa. Dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau Ulil Amri dalam perkara kebaikan adalah wajib. Ini sejajar dengan Enakmen Zakat dan Fitrah Negeri Sabah Tahun 1993 **Seksyen 61** yang memperuntukkan:

1) Mana-mana orang dengan sengaja enggan membayar zakat atau fitrah yang bertanggung ke atasnya untuk membayar, adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, dikenakan hukuman dengan **tidak melebihi empat ribu ringgit** atau **penjara tidak melebihi dua tahun** atau kedua-duanya sekali.

2) Mahkamah (Mahkamah Syariah), boleh memerintah supaya zakat dan fitrah itu dijelaskan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah. Manakala **Seksyen 67**, menegaskan mana-mana **orang yang sebagai tidak dibenarkan** di bawah Enakmen ini untuk berbuat sedemikian (**memungut**) atau **cuba memungut zakat** atau penalti di bawah Enakmen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, **boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit** atau **dipenjara** selama tempoh **tidak melebihi tiga tahun** atau kedua-duanya sekali. Justeru, marilah kita sama-sama berlumba-lumba dalam melakukan amal

kebaikan di bulan yang penuh mulia ini. Akhirnya marilah kita bersama-sama merenung firman Allah SWT melalui surah al-Munafiqun ayat 10:

وَأَنْفِقُوا مِنْ مَّا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَى أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُنْ مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٠﴾

Maksudnya: “Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepadanya, (kalau tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: ‘Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang soleh.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JAMAAH YANG DIKASIHI,

Pada hari yang penuh keberkatan ini, mimbar ingin mengajak sidang jamaah merenung dan menginsafi pengorbanan para perajurit tanah air bersempena dengan sambutan Hari Tentera Darat Ke-93, khususnya kepada warga Tentera Darat Malaysia yang menjadi benteng utama kedaulatan negara. Mempertahankan agama dan tanah air merupakan satu tuntutan. Islam bukan sekadar agama ibadah khusus, bahkan agama yang menuntut umatnya membina kekuatan iman, kekuatan ilmu dan juga kekuatan pertahanan. Justeru, mimbar menyeru agar seluruh rakyat Malaysia menghargai jasa perajurit negara. Janganlah kita menjadi generasi yang lupa sejarah dan tidak mengenang pengorbanan mereka. Sokongan moral, doa dan penghormatan kita amatlah bermakna buat mereka.

وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ.
فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا
صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَعَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ الرَّحِيمُ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, tolonglah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin dan di setiap tempat. Ya Allah, jadilah Engkau Pelindung, Penolong dan Penyokong mereka. Ya Allah, timpakanlah kekuasaan-Mu ke atas orang-orang zalim dan goncangkanlah bumi di bawah kaki mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegaskan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap tabayyun serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Ya Allah, berkatilah kami, limpahkan kasih sayang-Mu kepada kami serta rahmati kami di sepanjang bulan Ramadan. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedarkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Nota:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.
Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

No. telefon: 088-522127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com